

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

SOALAN NO. 228

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap Bon Panda yang ditawarkan oleh Negara China seperti mana yang dinyatakan oleh Duta Besar China ke Malaysia pada bulan Februari lalu.

JAWAPAN

1. Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh menerusi penerbitan bon dan sukuk Kerajaan daripada sumber dalam negeri dan juga luar pesisir. Seajar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang matang.
2. Mengambil kira terbitan bon Samurai pada 8 Mac 2019, jumlah hutang luar negeri yang terkini adalah RM28.9 bilion atau 3.6% daripada jumlah Kerajaan Persekutuan.
3. Dalam pengurusan hutang yang berhemah, setiap terbitan dalam mata wang asing perlu diteliti dengan lebih terperinci mengambil kira had statutori pinjaman luar negeri, profil kematangan hutang dan pendedahan risiko mata wang asing terhadap penarafan negara. Ini bagi memastikan Kerajaan dapat meluaskan asas pelabur, mendapat nilai untuk wang (*value for money*) ke atas kadar kupon seterusnya mencapai objektif utama untuk mengurangkan kos pembiayaan Kerajaan.
4. Penerbitan bon Panda dapat meningkatkan rizab mata wang RMB terutama bagi aktiviti dagangan memandangkan China merupakan antara rakan dagang Malaysia yang terbesar meliputi 13.9% daripada jumlah

eksport. Selain dapat mewujudkan penanda aras (*benchmark*) baharu, terbitan RMB dapat memperluas asas pelabur yang tidak melanggan terbitan sukuk global dolar AS sedia ada.

5. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia belum mengambil sebarang ketetapan mengenai pengambilan pinjaman bon Panda. Pihak Kementerian akan mengkaji kesan bon Panda secara menyeluruh sebelum keputusan dibuat.